TEKS UCAPAN PERASMIAN

YBRS. DR. MUHAMMAD RAWI BIN MOHAMED ZIN
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

SEMPENA

MAJLIS PELUNCURAN
KAMPUNG ANGKAT MADANI
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

24 OKTOBER 2026 (SABTU) | 10.30 PAGI

KAMPUNG PEMANOK, BATU 31
MACHANG, KELANTAN

Terima kasih, saudara pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

(Salutasi akan dikemas kini mengikut susunan protokol majlis.)

Yang Berusaha Tuan Mohd Zamri bin Ibrahim
Yang Dipertua Majlis Daerah Machang

Yang Berusaha Ustaz Iskandar bin Ismail
Pengerusi Madrasah Haji Ismail, Kg. Pemanok

Ketua-ketua jabatan dan agensi

Wakil-wakil media

Tuan-tuan dan puan-puan serta seluruh penduduk Kampung Pemanok yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi ini sempena Majlis Peluncuran Kampung Angkat MADANI Agensi Nuklear Malaysia di Kampung Pemanok, Batu 31, Machang, Kelantan.

2. Saya amat berbesar hati dapat bersama-sama dengan para tetamu dan penduduk Kampung Pemanok pada hari yang bermakna ini. Majlis kita turut diserikan dengan kenduri sekampung yang menjadi wadah untuk mengeratkan hubungan silaturahim serta semangat muafakat dalam kalangan masyarakat setempat.

3. Bagi pihak Agensi Nuklear Malaysia, saya merakamkan penghargaan kepada Majlis Daerah Machang, Madrasah Haji Ismail, jabatan dan agensi yang terlibat serta seluruh penduduk Kampung Pemanok atas kerjasama dan komitmen dalam menjayakan program ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Inisiatif Kampung Angkat MADANI ini mencerminkan komitmen Kerajaan untuk memperkukuh kesejahteraan masyarakat luar bandar melalui kerjasama pelbagai agensi. Bagi Agensi Nuklear Malaysia, pemilihan Kampung Pemanok sebagai Kampung Angkat MADANI pada tahun 2026 memberikan peluang kepada kami untuk turut menyumbang secara langsung kepada keperluan komuniti setempat.

5. Dengan peruntukan berjumlah RM500,000 yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan beberapa projek penambahbaikan kemudahan awam dan keceriaan kampung telah dilaksanakan. Antaranya termasuklah penambahbaikan sistem saliran, pembaikan laluan dan pembetung serta pelebaran jalan masuk ke tanah perkuburan yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Machang.

6. Selain itu, pelaksanaan projek keceriaan kampung oleh Madrasah Haji Ismail merangkumi pembaikan pagar tanah perkuburan, pembinaan wakaf, penggerudian sumber air, pemasangan lampu solar dan penyediaan mercu tanda Kampung Angkat MADANI. Setiap usaha ini mempunyai tujuan yang dekat dengan kehidupan penduduk, sama ada untuk meningkatkan keselamatan dan keselesaan, memudahkan pergerakan atau menyediakan kemudahan bagi kegunaan bersama.

7. Kita berharap penambahbaikan sistem saliran dapat membantu mengatasi masalah perparitan, manakala pelebaran laluan ke tanah perkuburan memudahkan akses penduduk. Pemasangan lampu solar pula dapat menambah baik pencahayaan dan keselamatan di kawasan kampung, sementara sumber air tambahan diharap dapat membantu memenuhi keperluan penduduk, khususnya ketika musim kemarau. Wakaf yang dibina juga boleh dimanfaatkan untuk aktiviti kemasyarakatan termasuk program Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela.

8. Saya menghargai kerjasama erat semua pihak yang terlibat dalam mengenal pasti keperluan setempat dan melaksanakan projek-projek

tersebut. Inilah nilai penting pendekatan keseluruhan kerajaan iaitu menggembleng kepakaran dan keupayaan pelbagai pihak bagi menghasilkan manfaat yang dapat dirasai oleh rakyat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Apabila kita menyebut teknologi nuklear, mungkin ada yang menganggapnya sebagai bidang yang kompleks dan jauh daripada kehidupan seharian. Sebenarnya, teknologi nuklear telah digunakan secara aman dan selamat dalam pelbagai bidang termasuk perubatan, pertanian, pemprosesan makanan, perindustrian dan penjagaan alam sekitar.

10. Sebagai contoh, melalui penggunaan teknologi nuklear, Agensi Nuklear Malaysia telah membangunkan varieti padi baharu yang berpotensi menghasilkan pengeluaran lebih tinggi serta mempunyai daya tahan yang lebih baik terhadap keadaan persekitaran dan penyakit tanaman. Penyelidikan ini penting dalam membantu petani meningkatkan hasil tanaman dan menyokong usaha memperkukuh keterjaminan makanan negara.

11. Selain itu, Agensi Nuklear Malaysia turut membangunkan produk seperti biobaja Bioliquifert dan oligochitosan yang dapat membantu meningkatkan kesuburan tanah, penyerapan nutrien dan pertumbuhan tanaman, di samping mengurangkan kebergantungan terhadap input kimia dalam pertanian.

12. Dalam penyelidikan tanaman ubi kayu pula, Agensi Nuklear Malaysia telah membangunkan baka baharu yang berpotensi dituai dalam tempoh enam bulan, berbanding sekitar 11 hingga 12 bulan bagi varieti tempatan tertentu. Tempoh tuaian yang lebih singkat ini berpotensi membolehkan petani memperoleh hasil dengan lebih cepat. Ini merupakan antara contoh bagaimana penyelidikan dan pembangunan teknologi nuklear dapat menghasilkan aplikasi praktikal yang memberi manfaat kepada sektor pertanian dan masyarakat.

13. Melalui pameran yang diadakan pada hari ini, saya berharap para hadirin dapat mengambil peluang untuk mengenali dengan lebih dekat pelbagai aplikasi teknologi nuklear serta mendapatkan maklumat secara langsung daripada pegawai Agensi Nuklear Malaysia.

14. Penganjuran aktiviti seumpama ini merupakan sebahagian daripada usaha Agensi Nuklear Malaysia untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap sains dan teknologi. Usaha ini juga selaras dengan aspirasi Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030 dan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021–2030 yang turut memberikan penekanan terhadap pemanfaatan sains dan teknologi untuk kesejahteraan rakyat.

15. Saya berharap agar segala kemudahan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan melalui inisiatif Kampung Angkat MADANI ini dapat memberikan manfaat yang berpanjangan serta menyumbang kepada keselesaan dan kesejahteraan penduduk Kampung Pemanok.

16. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Majlis Daerah Machang, Madrasah Haji Ismail, semua jabatan dan agensi yang terlibat, pihak penganjur serta penduduk Kampung Pemanok bersama sama menjayakan inisiatif ini. Semoga kerjasama yang terjalin ini terus

memberikan manfaat dan menyumbang kepada kesejahteraan komuniti setempat.

17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Kampung Angkat MADANI Agensi Nuklear Malaysia di Kampung Pemanok, Batu 31, Machang, Kelantan.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.